

Tiga lagi kes positif Covid-19

Jumlah keseluruhan kes positif virus Covid-19 di Malaysia kini cecah 22 orang

KUALA SELANGOR

Tiga lagi kes positif virus koronavirus (Covid-19) disahkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes setakat ini meningkat kepada 22 kes.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad semalam mengesahkan dua kes melibatkan seorang lelaki dan wanita warga China.

Beliau berkata, kes ke-20 ialah seorang ahli perniagaan lelaki berusia 27 tahun dari Guangzhou yang dikesan ketika

melalui saringan kesihatan di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS) di Bukit Kayu Hitam, Kedah kelmarin.

“Berikutan itu sampel klinikal atau *throat swab* diambil untuk tujuan pengesahan dan beliau dimasukkan di wad isolasi di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah. Pagi ini, sampel *throat swab* beliau disahkan positif Covid-19.

“Bagi kes ke-21, seorang wanita berusia 32 tahun yang menetap di negara ini tetapi membuat lawatan ke China pada 22 hingga 30 Januari lepas. Beliau disahkan positif Covid-19 pagi ini (semalam),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Desa Aman Desa Coalfield di sini semalam.

Pada majlis itu, Dr Dzulkef-

ly yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor menyerahkan kira-kira 5,000 botol cecair pencuci tangan sumbangan Elite Advanced Materials Sdn Bhd kepada 35 sekolah seluruh daerah itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah malam tadi mengesahkan satu lagi kes membabitkan seorang wanita berusia 83 tahun yang merupakan warganegara Amerika Syarikat.

“Ujian saringan pengesanan Covid-19 telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (IMR) dan disahkan positif pada hari ini (semalam)

“Makmal ini merupakan makmal pertama yang terlibat secara langsung dalam menjalankan ujian diagnostik bagi mengesan Covid-19 di Malaysia,” katanya menerusi kenyataan di Facebook beliau.



Dr Dzulkefly (dua dari kiri) melakukan simbolik penyerahan hand sanitizer kepada Guru Besar SK Desa Aman, Shahidan Said (dua dari kanan) selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PIBG SK Desa Aman Kall Ke-9 di Sungai Buloh semalam.